



**KEMENTERIAN
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**



PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning: Beyond Conventional

TEKS UCAPAN ALUAN

YB DATUK HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN

**MENTERI
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN 100 TAHUN
PERANCANG BANDAR MALAYSIA (#100PBM)
30 JUN 2021**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

KATA-KATA ALUAN

Yang Berhormat

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin

Perdana Menteri Malaysia

Yang Dihormati

YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib

Timbalan Menteri

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Berbahagia

Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan

Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Berbahagia

TPr Gs Dr. Shamsaini binti Shamsuddin

Ketua Pengarah PLANMalaysia

Selaku tuan rumah, majlis pada hari ini

Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

**Dato' Bandar - Dato' Bandar,
Yang Dipertua dan Setiausaha Majlis Perbandaran dan Daerah,**

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

PENDAHULUAN

1. Segala puji-pujian bagi Allah S.W.T Pencipta sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kekasih Allah, Nabi Muhammad Sallallahu A'lahi Wassalam serta ahli keluarga dan sahabat-sahabat Baginda.
2. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan inayah-Nya jua, maka kita dapat berkumpul bersama-sama dengan semangat dan iltizam yang tinggi sempena **Majlis Sambutan 100 Tahun Perancang Bandar Malaysia.**

3. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan amat berbesar hati di atas jemputan PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) untuk saya bersama-sama di majlis pada hari ini dengan warga Perancang Bandar seluruh Malaysia yang mewakili pelbagai agensi kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan, begitu juga di sektor swasta, pertubuhan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

CABARAN WABAK COVID19 DALAM PERANCANGAN BANDAR

4. Kerajaan Perikatan Nasional perlu mengambil tindakan proaktif dan bertindak pantas di dalam mengimbangi antara kewajipan melindungi rakyat dan menjamin kelangsungan ekonomi kesan pandemik COVID-19.
5. Bukan sahaja kepada sektor ekonomi, malah pandemik COVID-19 telah mencabar kita semua termasuk profesion Perancang Bandar. Kementerian saya telah mengkaji semula Garis Panduan Perancangan yang berkaitan selaras dengan pelaksanaan norma baharu seperti Penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek susulan berlaku penularan COVID-19 di kawasan tapak pembinaan sehingga tercetusnya kluster-kluster tapak pembinaan.

6. Melalui norma baharu ini, kebergantungan dan penguasaan data dan maklumat perancangan yang berlandaskan teknologi perlu diberi keutamaan. Ia bukan sahaja dapat memberikan maklumat secara pantas dan tepat kepada masyarakat tetapi juga dapat memantau dan mencorakkan pembangunan masa hadapan dengan lebih baik dan strategik berdasarkan data yang diperolehi melalui teknologi *Artificial Intelligence, Internet of Things (IoT) dan Big Data*. Ini adalah selaras dengan Rangka Kerja Bandar Pintar yang disediakan oleh Kementerian saya. Ia merupakan sebuah rangka kerja peringkat nasional untuk merancang dan membangunkan bandar pintar secara holistik di Malaysia seiring dengan perkembangan semasa.
7. Walaupun COVID-19 telah memberi banyak cabaran dan keperitan, pada masa yang sama ia telah menyatukan kita semua untuk menentukan apa yang terbaik bagi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran bersama. Rakyat perlu menjadi keutamaan dan Kerajaan akan terus bekerjasama dengan semua pihak termasuk sektor swasta bagi memastikan kita dapat mencari jalan dan kaedah untuk meminimumkan kesan COVID-19.
8. Lebih-lebih lagi, kini terdapat 77% penduduk Malaysia tinggal di kawasan bandar dan angka ini dijangka meningkat

kepada 80% atau 26 juta penduduk bandar pada tahun 2030. Profesion Perancang Bandar berhadapan dengan cabaran yang lebih besar untuk memenuhi keperluan masyarakat bandar dan luar bandar dari segi pengurusan sisa pepejal, pengurusan lalu-lintas, pencemaran udara, penyediaan rumah mampu milik yang mencukupi, akses bekalan air yang bersih, bekalan elektrik tanpa gangguan, liputan internet yang menyeluruh, sistem pengangkutan awam yang komprehensif, kawalan banjir kilat dan sebagainya.

9. Saya yakin penyediaan Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN ke-4) adalah bagi memastikan kesinambungan dan hala tuju perancangan spatial dan pembangunan fizikal negara dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif menjelang tahun 2040. RFN Ke-4 yang akan dilancarkan pada hujung tahun ini boleh dijadikan sebagai landasan dalam menterjemah pelaksanaan bukan sahaja di peringkat Rancangan Pemajuan, namun dijadikan rujukan oleh Penggubal Dasar dari segenap aspek ekonomi, fizikal, sosial, alam sekitar bagi memastikan perancangan pembangunan negara dapat dirancang sebaik mungkin dan selaras dengan komitmen negara di peringkat global ke arah Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDG).

10. Saya berpandangan Profession Perancang Bandar sinonim dengan penyediaan Pelan Susunatur, Kebenaran Merancang, dokumen perancangan seperti Rancangan Struktur (RS), Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK). Dokumen ini menjadi panduan perancangan bagi tujuan kawalan pembangunan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mengambilkira semua pihak berkepentingan termasuk rakyat. Ini adalah bagi memastikan dokumen Rancangan Pemajuan yang disediakan adalah relevan dan berdaya laksana.

Yang Berbahagia Dato-Dato’/ Datin-datin/ Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

PROFESION PERANCANG BANDAR

11. Saya sedar bahawa persoalan yang sentiasa menjadi tumpuan dalam aspek memartabatkan Profesion Perancang Bandar di Malaysia agar duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan profesion lain yang sentiasa popular di kalangan masyarakat. Tanpa diketahui umum, ramai Perancang Bandar di kalangan kita yang banyak berjasa dan mengharumkan nama negara. Sebagai contoh, saya percaya ramai di kalangan kita yang mengenali YBhg. Datuk

Maimunah binti Mohd Sharif, yang telah dilantik sebagai *Executive Director United Nations Human Settlements (UN-Habitat)* sejak 2018 dan beberapa Perancang Bandar lagi yang mendapat kepercayaan untuk menerajui Pihak Berkuasa Tempatan seperti YBhg. Datuk Mahadi Che Ngah dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur ke-13 dan TPr Noraini binti Roslan dilantik sebagai Datuk Bandar Subang Jaya yang pertama. Keberadaan profesion ini adalah sangat penting dan diakui menjadi tulang belakang di dalam mencorak pembangunan negara sama ada di bandar mahupun di desa.

12. Begitu banyak jasa dan sumbangan yang dicurahkan oleh profesion Perancang Bandar ini kepada negara, namun tidak perlulah saya senaraikan setiap satunya. Sebagai seorang Menteri yang dipertanggungjawabkan mengikut peruntukan Akta 172, saya merasa bangga kerana turut terlibat sama dalam memberi pandangan dan idea di dalam aktiviti-aktiviti perancangan bandar di negara yang bertuah ini melalui keterlibatan saya di dalam Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang diurusetikan oleh PLANMalaysia.

PENUTUP

13. Akhir kata, mengambil kira cabaran penularan wabak pandemik COVID-19, perubahan ekonomi dunia yang kompleks pada masa kini dan bagi mengharungi cabaran yang mendatang, saya menyeru semua warga perancang bandar untuk bersama-sama melakar sejarah masa hadapan yang lebih mampan dan sejahtera untuk memastikan ***'future made better'***.
14. Kepada semua yang warga perancang bandar, ucapan syabas dan tahniah saya ucapkan kepada anda semua di atas sambutan 100 Tahun Profesion Perancang Bandar di Malaysia pada tahun ini.
15. Sebelum saya mengundurkan diri, marilah kita bersama-sama berdoa agar segala musibah yang berlaku kepada negara tercinta ini berlalu pergi dan semoga diri kita, keluarga kita, dan sahabat-sahabat kita diberi kesihatan yang baik berpanjangan. Tak lupa saya ingatkan semua mengamalkan norma-norma baharu - "kita jaga kita" supaya dapat bersama-sama melandaikan lengkok pandemik.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

Teks Disediakan Oleh:

PLANMalaysia